

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 3 MAC 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 2

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1541-L13146
Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha pemerkasaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) sebagai alat pengukur keupayaan akademik murid untuk ke tingkatan satu dan pemilihan aliran pengajian di tingkatan empat.
2. PN-1541-L13605
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah tambahan yang diambil Kementerian untuk menangani isu penyelenggaraan rumah kos rendah dan Projek Perumahan Rakyat (PPR).
3. PN-1541-L13895
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bentuk penambahbaikan yang dilaksanakan bagi melancarkan proses permit masuk bagi pasangan warganegara dan sejauh manakah siri libat urus bersama pemegang taruh terlibat telah dilaksanakan bagi membincangkan cadangan penambahbaikan ini.
4. PN-1541-L13580
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan kepada semua Perpustakaan Desa di Negeri Melaka dan sejauh mana usaha Kerajaan bagi menjadikan Perpustakaan Desa sebagai tempat pertemuan dan aktiviti bagi memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum.

5. PN-1541-L13401
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk membawa masuk Timor Leste sebagai ahli ASEAN dalam tempoh kepengerusian ASEAN ini.
6. PN-1541-L13494
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan benar-benar serius berkenaan isu pemandu kenderaan berat yang memandu melebihi had laju yang ditetapkan serta yang tidak menyelenggara kenderaan mereka dengan baik yang menyebabkan peningkatan kadar kemalangan dan kematian akibat kemalangan. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini..
7. PN-1541-L13121
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kerajaan mencapai sasaran kedatangan pelancong pada tahun 2024 dan berapakah keuntungan yang telah diperoleh negara melalui industri pelancongan pada tahun 2024.
8. PN-1541-L13716
Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan strategi Kerajaan dalam meningkatkan kesiapsiagaan ketenteraan, termasuk perolehan aset baharu TLDM bagi menggantikan aset yang usang dan bagaimana Kerajaan menangani insiden tembakan di perairan Malaysia baru-baru ini yang telah mencetuskan ketegangan diplomatik dengan Indonesia.
9. PN-1541-L13452
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengambil langkah-langkah produktif bagi membantu industri tenaga kerja dalam kerangka peralihan keperluan industri seperti kecerdasan buatan (AI).
10. PN-1541-L13745
Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian dan agensi berkaitan memastikan diagnosis kesihatan mental tidak disalahgunakan dalam sistem perundangan dan sejauh manakah keberkesanan Dasar Sosial Negara (DSN) 2030 dalam menangani penyalahgunaan kuasa, peminggiran individu dan ketidakadilan sosial yang berpunca daripada diagnosis kesihatan mental yang dibuat secara cuai atau tidak bertanggungjawab.

11. PN-1541-L13872
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah untuk merekayasa bidang bahasa, sastera dan budaya di universiti-universiti di negara ini dalam rangka untuk menyeimbangkan bidang pengajian antara sains tulen dengan sains sosial dan kemanusiaan.
12. PN-1541-L13280
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan bahawa kurikulum persekolahan yang baharu akan memberikan murid kemahiran yang relevan dan sesuai dengan cabaran masa depan, kemahiran digital dan pemikiran kritikal serta menyediakan murid dengan pengetahuan yang berterusan sepanjang hayat.
13. PN-1541-L13186
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
 - (a) maklumat terkini tentang perkembangan pembinaan Hospital Lawas, Sarawak dan jangkaan hospital tersebut akan disiapkan; dan
 - (b) siapakah kontraktor yang dilantik untuk membina Hospital Lawas dan berapakah anggaran kos yang diperuntukkan oleh Kerajaan bagi pembinaan hospital tersebut.
14. PN-1541-L13231
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah status terkini dan perancangan Kementerian dalam membangunkan kawasan-kawasan pelancongan di sekitar Perlis dan sejauh manakah perkembangan projek naik taraf yang dijalankan di kawasan pelancongan Perlis.
15. PN-1541-L13852
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan bersedia untuk mempertimbangkan permintaan golongan pesawah supaya harga lantai padi dinaikkan daripada RM 1300 kepada RM 1800 setiap tan metrik.

16. PN-1541-L13717

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah permohonan dan jumlah kelulusan Rumah Mesra Rakyat (RMR) di Sarawak mengikut kawasan Parlimen setakat tahun 2024.

17. PN-1541-L13126

Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) kriteria pemilihan atlet OKU untuk mewakili negara ke pertandingan peringkat antarabangsa dan sejauh mana keadilan proses ini dapat dipastikan agar semua atlet berbakat mendapat peluang yang sama tanpa diskriminasi; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan lebih banyak program pemerksaan dan latihan profesional untuk atlet OKU agar mereka dapat meningkatkan prestasi ke tahap yang lebih tinggi.

18. PN-1541-L13799

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status penyiasatan terhadap pelaburan mencurigakan bagi Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2024.

19. PN-1541-L13655

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menukar tanaman komoditi getah dan kelapa sawit kepada tanaman lain bagi menjana pendapatan khusus kepada masyarakat Orang Asli.

20. PN-1541-L13460

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah impak ke atas hasil pendapatan PETRONAS ekoran perjanjian formula agihan gas asli dengan syarikat petroleum Sarawak, PETROS.

21. PN-1541-L13781

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah industri pertanian yang telah dilaksanakan di luar bandar yang telah berjaya atau berpotensi untuk mengurangkan kemiskinan dalam kalangan komuniti luar bandar dan apakah dasar serta inisiatif Kerajaan bagi membangunkan industri tersebut.

22. PN-1541-L13350

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan garis panduan penjualan minuman beralkohol di kawasan majoriti penduduk Melayu-Islam.

23. PN-1541-L13303

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bagaimana Kerajaan menangani isu kenaikan kos harga baja, racun dan input pertanian lain yang membebankan petani.

24. PN-1541-L13530

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah usaha Kerajaan dalam menyediakan platform atau maklumat bagi graduan TVET untuk memasuki pasaran kerja, memandangkan bilangan pelajar yang meningkat saban tahun tetapi masih menghadapi kesukaran mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan bidang kepakaran mereka.

25. PN-1541-L13662

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) berkenaan Skim Khairat Kematian (SKK) 2025 di bawah Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan mengapa warganegara di bawah umur 60 tahun yang berstatus bujang tidak layak menerima bantuan SKK; dan
- (b) berapakah jumlah permohonan SKK pada tahun 2024 dan jumlah peruntukan yang telah dibayar kepada penerima manfaat.

26. PN-1541-L13198

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan secara terperinci peratusan liputan internet 5G mengikut daerah-daerah di Sarawak dan tahap kekuatan internet sebenar yang terkini yang disediakan di daerah-daerah di Sarawak.

27. PN-1541-L13718

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sama ada akan ada kemas kini berkala mengenai kemajuan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) dalam memastikan sasaran yang ditetapkan dipenuhi.

28. PN-1541-L13828

Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pengambilalihan projek Lebuhraya Rakyat atau Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai pakej 3B (Berangan Mek Nab ke Kampung Keruh) dan nyatakan juga perincian hutang RM 60 juta daripada projek tersebut yang dimohon untuk diambil alih.

29. PN-1541-L13403

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah strategik dalam memperkenalkan teknologi jentera dan automasi sebagai penyelesaian utama bagi mengatasi isu kekurangan tenaga kerja dalam industri minyak sawit, serta impak jangka panjang terhadap produktiviti, kecekapan kos, dan daya saing industri ini di peringkat global.

30. PN-1541-L13216

Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi meningkatkan literasi digital dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah bagi menangani masalah teknostres; dan
- (b) adakah Kementerian akan mempertimbang untuk menjalinkan kerjasama yang lebih banyak dengan *edupreneur* bagi membantu tahap literasi digital sekolah-sekolah di bawah Kementerian.

31. PN-1541-L13699

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah Kerajaan untuk menambah baik kelompongan dalam undang-undang trafik berikutan 5,364 kematian akibat kemalangan jalan raya (68% melibatkan motosikal) dari Januari hingga Oktober 2024 dan bagaimana teknologi keselamatan kenderaan digunakan untuk mengurangkan kemalangan.

32. PN-1541-L13138

Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimana pihak Kerajaan komited untuk pembinaan rumah-rumah mampu milik, kos rendah dan juga berkualiti bagi membantu golongan OKU dan apakah sasaran untuk tahun ini.

33. PN-1541-L13260

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan sasaran pertumbuhan ekonomi negara tahun ini dapat dicapai terutama dalam menghadapi ketidakpastian ekonomi global serta ketegangan geopolitik yang boleh menjejaskan rantaian bekalan global.

34. PN-1541-L13497

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan usaha yang telah dan akan dilaksanakan pihak Kementerian berkaitan dasar bandar rendah karbon, termasuk penggalakan inisiatif hijau dan penggunaan teknologi pintar.

35. PN-1541-L13338

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pertimbangan Kerajaan untuk menaikkan kos Haji sehingga 20 peratus yang menambah beban kepada bakal jemaah Haji.

36. PN-1541-L13692

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk mengenakan harga berbeza kepada bukan warganegara ke atas barangan kawalan khususnya minyak masak pek bersubsidi 1kg; dan
- (b) berapakah jumlah pengeluaran minyak masak pek bersubsidi 1kg pada setiap bulan.

37. PN-1541-L13509

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan perancangan Kementerian untuk membangunkan projek tenaga solar berskala besar di Kedah, termasuk insentif kepada syarikat tempatan yang ingin melabur dalam sektor ini.

38. PN-1541-L13560

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perkembangan terkini terhadap kajian terperinci mengenai penyelarasan harga siling beras putih tempatan dan harga lantai belian padi bagi memastikan kestabilan harga padi di semua kawasan sekali gus membantu meningkatkan pendapatan pesawah secara adil.

39. PN-1541-L13776

Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak berkuasa tempatan agar dapat bekerjasama dengan penguat kuasa antarabangsa dalam menangani masalah sindiket penipuan haji dan umrah.

40. PN-1541-L13166

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

(a) apakah perancangan Kerajaan Persekutuan bagi membantu menjayakan agenda Ekonomi Biru Sabah yang telah dilancarkan pada tahun 2024 khususnya dalam aspek pelaburan dari dalam dan luar negara; dan

(b) adakah Kementerian telah membuat penyelarasan yang diperlukan bagi meletakkan lebihan peruntukan tahunan untuk negeri Sabah di Tabung Amanah Negeri Sabah bagi memudahkan perbelanjaan pembangunan disalurkan secara konsisten.

41. PN-1541-L13647

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kerajaan boleh memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama di Malaysia daripada perspektif agama Islam dan apakah inisiatif atau program yang telah diambil oleh JAKIM ke arah memupuk perpaduan antara kaum di Malaysia.

42. PN-1541-L13243

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah status kebajikan anggota polis dan tentera dengan skim yang sedia ada sekarang adalah di peringkat memuaskan dan baik dalam meningkatkan motivasi pasukan memandangkan keperluan serta pendapatan anggota yang lebih baik boleh melahirkan anggota yang bermotivasi tinggi dalam tugas terutamanya anggota berpangkat rendah.

43. PN-1541-L13550

Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan pendirian terbaharu Malaysia berhubung keputusan penarikan diri Amerika Syarikat dari Perjanjian Iklim Paris dan apakah strategi Kerajaan bagi meneroka serta mempertingkatkan kerjasama bersama negara-negara kuasa besar lain dalam mendepani cabaran perubahan iklim di peringkat global.

44. PN-1541-L13314

Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Parlimen Libaran memandangkan hanya terdapat satu PPK Sandakan yang meliputi Parlimen Libaran, Sandakan dan Batu Sapi buat masa ini.

45. PN-1541-L13817

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah strategi Kerajaan dalam mencegah penyebaran berita palsu melalui platform media sosial sekiranya Facebook menamatkan perkhidmatan semakan fakta melanggar syarat-syarat yang ditetapkan bagi lesen platform media sosial.

46. PN-1541-L13433

Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah skim dan insentif khas bagi membantu pekebun kecil dalam membiayai penyelenggaraan jalan ke kebun mereka, terutamanya bagi mereka yang bergantung kepada hasil komoditi sebagai sumber pendapatan utama.

47. PN-1541-L13358

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah punca sebenar kenaikan harga barang yang seolah-olah sukar dikawal, dan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat yang semakin terhimpit akibat fenomena ini.

48. PN-1541-L13864

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme yang diguna pakai oleh Tabung Haji bagi menentukan kategori bakal jemaah haji B40, M40 dan T20 serta nyatakan jumlah permohonan rayuan yang diterima bagi menukar kategori tawaran.

49. PN-1541-L13158

Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan statistik kemalangan lebuhraya sepanjang musim perayaan tahun 2024 dan langkah-langkah terbaharu diambil dalam mengurangkan kemalangan maut.

50. PN-1541-L13585
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2022 mengenai pengehadan tempoh jawatan Perdana Menteri.
51. PN-1541-L13472
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan usaha Kerajaan untuk menjaga keselamatan negara dalam aspek ancaman bukan tradisi (*non-traditional threat*).
52. PN-1541-L13390
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam membantu usahawan di Sarawak dan Sabah terutamanya melalui pendekatan inisiatif Dasar Pandang Ke Timur Dalam Negara yang memberi fokus kepada pembangunan keusahawanan di kedua-dua negeri tersebut.
53. PN-1541-L13109
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan telah bersetuju menaikkan kadar Pemberian Khas Sarawak dan Sabah hampir sekali ganda iaitu kepada RM600. Bilakah RM600 ini akan disalurkan pada tahun 2025.
54. PN-1541-L13370
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pelan perancangan dan tindakan yang akan dilaksanakan Kerajaan susulan dasar tarif universal dan sekatan perdagangan yang dikenakan terhadap China, Mexico dan Kanada yang memberi kesan langsung kepada Malaysia dan negara ASEAN serta boleh menggugat kestabilan rantaian bekalan global.
55. PN-1541-L13737
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa banyak yang telah dikumpulkan dari Sistem Insurans Pekerjaan (EIS) tahun hingga kini dan bagaimana dana ini telah diperuntukkan.

56. PN-1541-L13625

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimana Kerajaan merancang untuk mengimbangi keperluan pembangunan ekonomi negara dengan memastikan ketelusan dalam perbelanjaan Kerajaan bagi mengelakkan pembaziran dan ketirisan dana awam.

57. PN-1541-L13251

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kriteria-kriteria Kementerian dalam memilih dan mengklasifikasikan sekolah sebagai sekolah daif memandangkan hanya 52 projek sekolah daif sahaja disenaraikan di Sabah dan diluluskan penyelenggaraannya sedangkan jumlah sebenar sekolah daif di Sabah melebihi 550 sekolah.

58. PN-1541-L13440

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian terhadap Syarikat Aerotree Defence and Services berikutan kegagalan mereka membekalkan empat buah helikopter Black Hawk UH-60A.

59. PN-1541-L13482

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang tindakan Kementerian dalam menangani isu jemaah haji dan umrah Malaysia yang telah dibatalkan tempahan penginapan oleh pihak hotel di Arab Saudi di saat akhir serta kes di mana jemaah telah menempah hotel yang berdekatan dengan Masjidil Haram dengan bayaran yang mahal tetapi hanya ditempatkan di hotel yang berjauhan sedangkan wang pengurangan kos hotel tersebut tidak dipulangkan.

60. PN-1541-L13643

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha yang dilakukan untuk memastikan lebih ramai wanita khususnya daripada komuniti India dapat terlibat dalam program latihan kemahiran dan keusahawanan bagi meningkatkan pendapatan isi rumah mereka.

61. PN-1541-L13536

Senator Dato' Abdul Halim bin Suleiman minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah tahanan imigresen di depot untuk tahun 2024 dan apakah prosedur operasi standard (SOP) mengendalikan tahanan imigresen di depot.

62. PN-1541-L13656

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah bilangan francais tempatan yang telah ditubuhkan sehingga kini dan apakah prestasi dan cabaran bagi francais-francais tersebut untuk mengembangkan perniagaan mereka.

63. PN-1541-L13292

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam memastikan kestabilan pengeluaran makanan negara terjamin terutamanya bagi bahan asas yang diimport tanpa menjejaskan pengeluaran dan kesejahteraan petani tempatan serta perancangan strategik untuk memastikan negara mempunyai kapasiti pengeluaran makanan yang mencukupi .

64. PN-1541-L13206

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) bilakah rasionalisasi subsidi petrol akan dilaksanakan; dan
- (b) bagaimanakah kaedah pelaksanaannya serta pelan komunikasi kepada pengguna.

65. PN-1541-L13517

Senator Dato' Abdul Halim bin Suleiman minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan berapakah jumlah rakyat Malaysia yang telah ditahan di luar negara atas kesalahan penipuan kewangan dan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan terhadap isu ini.

66. PN-1541-L13382

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kuarters Kerajaan Persekutuan yang terbiar dan tidak terurus mengikut daerah di Negeri Kelantan dan apakah pelan tindakan Kerajaan terhadap bangunan-bangunan tersebut.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** akan mencadangkan :-

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Keempat, Majlis Parlimen Yang Kelima Belas."

2. *(D.R.62/2024) Rang Undang-undang BERNAMA (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Komunikasi]

3. *(D.R.63/2024) Rang Undang-undang Majlis Media Malaysia 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Komunikasi]

4. *(D.R.1/2025) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Perpaduan Negara]

5. *(D.R.47/2024) Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Komunikasi]

6. *(D.R.3/2025) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2024) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

7. *(D.R.5/2025) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

8. *(D.R.4/2025) Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

9. *(D.R.2/2025) Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

10. *(D.R.19/2024) Rang Undang-undang Mufti (Wilayah-
Wilayah Persekutuan) 2024 **Bacaan Kali
Yang
Kedua**

[Perdana Menteri]

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat Oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 149	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Bagi Tahun 2022	3 Mac 2025
ST. 173	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) Bagi Tahun 2023	3 Mac 2025
ST. 247	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Penerbangan Awam Malaysia (MAVCOM) Bagi Tahun 2023	3 Mac 2025
<u>TAHUN 2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD. 1	Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2024	3 Mac 2025
CMD. 1A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama Tahun 2024 Bagi Kerajaan Malaysia	3 Mac 2025
CMD. 4	Laporan Ketua Audit Negara 1/2025 mengenai Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023	3 Mac 2025
ST. 8	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Sarawak) (Pindaan) 2024 P.U. (A) 17/2024 diwartakan pada 26 Januari 2024	3 Mac 2025
ST. 9	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Sarawak) (Pindaan) (No.2) 2024 P.U. (A) 19/2024 diwartakan pada 29 Januari 2024	3 Mac 2025

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 10	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Sarawak) (Pindaan) (No.3) 2024 P.U. (A) 79/2024 diwartakan pada 7 Mac 2024	3 Mac 2025
ST. 11	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Sarawak) (Pindaan) (No.4) 2024 P.U. (A) 145/2024 diwartakan pada 31 Mei 2024	3 Mac 2025
ST. 12	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Skim Felda) (Pindaan) 2024 P.U. (A) 144/2024 diwartakan pada 31 Mei 2024	3 Mac 2025
ST. 13	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Sarawak) (Pindaan) (No.5) 2024 P.U. (A) 156/2024 diwartakan pada 12 Jun 2024	3 Mac 2025
ST. 14	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Skim Felda) (Pindaan) (No.2) 2024 P.U. (A) 171/2024 diwartakan pada 27 Jun 2024	3 Mac 2025
ST. 15	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Sarawak) (Pindaan) (No.6) 2024 P.U. (A) 226/2024 diwartakan pada 29 Ogos 2024	3 Mac 2025
ST. 16	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.10) 2024 P.U. (A) 288/2024 diwartakan pada 7 Oktober 2024	3 Mac 2025

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 17	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.11) 2024 P.U. (A) 294/2024 diwartakan pada 15 Oktober 2024	3 Mac 2025
ST. 18	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.12) 2024 P.U. (A) 315/2024 diwartakan pada 28 Oktober 2024	3 Mac 2025
ST. 19	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.13) 2024 P.U. (A) 316/2024 diwartakan pada 28 Oktober 2024	3 Mac 2025
ST. 20	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Skim Felda) (Pindaan) (No.3) 2024 P.U. (A) 317/2024 diwartakan pada 28 Oktober 2024	3 Mac 2025
ST. 21	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Sarawak) (Pindaan) (No.7) 2024 P.U. (A) 337/2024 diwartakan pada 7 November 2024	3 Mac 2025
ST. 22	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.14) 2024 P.U. (A) 352/2024 diwartakan pada 24 November 2024	3 Mac 2025

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN</u> <u>2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 23	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Skim Felda) (Pindaan) (No.4) 2024 P.U. (A) 355/2024 diwartakan pada 25 November 2024	3 Mac 2025
ST. 24	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Sarawak) (Pindaan) (No.8) 2024 P.U. (A) 375/2024 diwartakan pada 4 Disember 2024	3 Mac 2025